

**GARIS PANDUAN  
TRAVEL & TOURS MANAGEMENT COURSE (TTMC)  
UNTUK PERMOHONAN LESEN BARU SYARIKAT  
PENGENDALIAN PELANCONGAN DAN AGENSI  
PENGEMBARAAN**

---

**1. Syarat-syarat Penyertaan**

- a) Kursus ini wajib diduduki oleh mana-mana Syarikat Sendirian Berhad yang ingin mendapatkan lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan daripada Kementerian Pelancongan Malaysia (KPL). Ia merangkumi permohonan lesen di bawah kategori seperti berikut:-
  - (i) Inbound;
  - (ii) Outbound;
  - (iii) Ticketing;
  - (iv) atau mana-mana kombinasi kategori lesen di atas.
- b) Syarikat perlu mengemukakan **surat kelulusan sementara** (tempoh 2 bulan) yang dikeluarkan oleh Bahagian Pelesenan Pelancongan semasa membuat pendaftaran kursus ini dengan Institut Latihan Pelancongan.
- c) Syarikat **mesti mengikuti *Travel & Tours Management Course* di dalam tempoh 2 bulan sepertimana yang ditetapkan** di dalam surat kelulusan sementara yang dikeluarkan.

**2. Latar Belakang Peserta Kursus**

Penyertaan mestilah terdiri dari sekurang-kurangnya seorang wakil dari syarikat ibu pejabat atau cawangan yang merupakan **key personnel** syarikat yang memegang jawatan seperti berikut:-

- (i) *Chief Executive Officer;*
- (ii) *Chief Operating Officer;* atau
- (iii) *General Manager.*

**3. Jangkamasa Kursus**

Jangka masa untuk *Travel & Tours Management Course* ialah selama **2 hari**.

#### 4. Yuran Kursus

Yuran kursus adalah sebanyak **RM750.00 seorang**. Ia merangkumi kos penyediaan tempat kursus, makanan dan minuman, material kursus dan bayaran pegawai penceramah sepanjang kursus.

#### 5. Permohonan

Syarikat boleh membuat permohonan menyertai TTMC kepada institut latihan pelancongan (ILP) yang mengendalikan kursus tersebut. Jadual Kursus dan Alamat akan dikemukakan oleh Bahagian Pelesenan Pelancongan yang dikeluarkan bersama-sama surat kelulusan sementara.

#### 6. Dokumen yang diperlukan

- (i) Surat Kelulusan Sementara yang dikeluarkan oleh Bahagian Pelesenan Pelancongan, Kementerian Pelancongan Malaysia; dan
- (ii) Borang Pendaftaran Peserta *Travel & Tours Management Course* (TTMC)

#### 7. Ujian Penilaian

Setiap peserta kursus adalah **diwajibkan untuk menduduki Ujian Penilaian *Travel & Tours Management Course*** yang akan dijalankan pada akhir kursus. Format Ujian Penilaian adalah berbentuk objektif (pilihan jawapan disediakan).

#### 8. Tempoh sah laku sijil

Tempoh sah laku sijil adalah **sekali sahaja** bagi pengeluaran lesen baru perniagaan pengendalian pelancongan dan agensi pengembaraan.

## 9. Peraturan dan Kod Pemakaian Peserta Kursus

### (i) Kehadiran

- Kehadiran setiap modul/sesi adalah wajib dan peserta yang gagal menghadiri salah satu sesi/modul atau lebih akan dianggap sebagai gagal dalam kursus.
- Semua peserta dikehendaki menepati masa bagi menunjukkan tahap profesionalisme sebagai *tourism frontliners*.

### (ii) Kod Pemakaian

- Peserta kursus dikehendaki memakai pakaian yang kemas dan bersesuaian dalam menghadiri kursus. Berpakaian seluar *jeans*, seluar pendek, tshirt tanpa kolar dan selipar (*flip-flops*) adalah **tidak dibenarkan**.

## 10. Pendaftaran Peserta Kursus

Setiap peserta perlu mengisi borang pendaftaran kursus dan mengemukakan borang berkenaan kepada penganjur kursus (Institut Latihan Pelancongan).

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi :

**Unit Latihan  
Bahagian Pembangunan Industri  
Kementerian Pelancongan Malaysia  
Tingkat 21, Menara Dato' Onn  
PWTC, Jalan Tun Ismail  
50695, Kuala Lumpur  
Tel : 03-2693 7111  
Faks : 03-2693 7451**